

06/01/1999

Dr Ling sedia pertahan jawatan Presiden MCA

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Ling Liong Sik akan menawarkan semula dirinya sebagai Presiden MCA dalam pemilihan pucuk pimpinan parti itu pada 17 Julai depan.

Bagaimanapun, beliau yang juga Menteri Pengangkutan, menjelaskan parti tidak akan menghalang mana-mana ahli yang layak untuk bertanding sebarang jawatan tertinggi parti itu.

"Mana-mana ahli boleh bertanding apa saja jawatan dalam parti. Cuma, kita mahu pertandingan ini dilaksanakan dalam semangat kekeluargaan dan tidak akan menyebabkan perpecahan.

"Saya menawarkan diri sebagai presiden parti dan terpulang kepada ahli menentukannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pusat MCA yang pertama tahun ini di ibu pejabat parti itu, di sini hari ini.

Hadir sama dalam sidang akhbar itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek; Setiausaha Agung, Datuk Dr Ting Chew Peh dan Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng.

Jawatankuasa itu juga menetapkan 12 Julai ini sebagai hari pencalonan pemilihan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan Perhimpunan Agung MCA pada 17 Julai.

Dalam pemilihan sebelum ini, Dr Ling berjaya mengekalkan kedudukan sebagai dirinya sebagai Presiden MCA setelah tiada siapa yang mencabar beliau.

Dr Ling turut menasihatkan ahli yang ingin bertanding supaya berkempen dengan baik tanpa cuba mencemar maruah lawan masing-masing.

"Calon yang bertanding boleh bercakap mengenai perkara baik mengenai diri masing-masing tetapi janganlah bercerita mengenai keburukan calon lain.

"Jika ini dilakukan, pertandingan itu akan diadakan dalam suasana yang sihat tanpa mencetuskan perpecahan," katanya.

(END)